

Situasi kucar-kacir apabila Ibu menghidap penyakit demensia

KOMIK OLEH: THE WOKE SALARYMAN



Ibu kami adalah pencari nafkah
tunggal buat kami empat sekeluarga.
Ayah kami telah meninggal dunia akibat
serangan jantung beberapa tahun dahulu.

Ibu secara sendiri telah membesarkanku
dan kedua-dua abangku.

Beliau rasa sangat bangga.



Ibu merupakan tonggak kekuatan kami.

Beliau telah membantu kami mengharungi detik-detik sukar ketika kami masih remaja yang nakal sehingga abang-abangku mempunyai keluarga mereka sendiri.



Tanpa diduga, keadaan boleh berubah
kerana pada saat ini, pada jam 3 pagi...

Ibuku tidak seperti dahulu kala.



Beliau meneriak seolah-olah dunia akan
kiamat dengan lampinnya yang basah.

Tonggak hidupku telah runtuh.
Sahabat karibku telah hilang.

Dan wanita paling kuat yang pernah aku
kenali, kini menghidap penyakit demensia.



Sehingga usia 60-an, Ibuku berada dalam keadaan sihat dan bersemangat.

Aku rasa tidak perlu untuk pulang rumah menjenguk Ibu walaupun selepas beliau telah dibuang kerja. Aku terus menikmati hidup bersendirian.



Jikalau aku menjenguknya,
mungkin aku dapat berada di sisinya...

... apabila beliau rebah di depan pintu
rumah HDBnya akibat strok.



Kami tidak tahu berapa lama Ibu
terbaring di situ seorang diri, sebelum
jiran tetangga menjumpainya.

Apabila mereka membawanya ke
hospital, keadaannya sangat teruk.

Setelah berminggu-minggu di ICU,
beliau sedar daripada koma.
Tetapi strok tersebut telah
permulaan penyakit demensia.



Dengan sekelip mata, dunia
kami menjadi kucar-kacir.

Namun, keadaan mula
menjadi lebih teruk.



Seperti kebanyakan keluarga Singapura, kami tidak pernah berbincang tentang wang atau langkah yang harus diambil jika Ibu menjadi nyanyuk.

Beliau enggan berbincang mengenainya kerana menganggapnya pantang.



Kami tidak suka membincangkan hal itu kerana gambaran Ibu menjadi nyanyuk sungguh menyakitkan hati.

Setahu kami, beliau belum membuat Surat Kuasa Berkekalan (LPA)*.

Jadi, kami tidak tahu segala apa yang Ibu inginkan: cara menguruskan kewangannya dan menjaganya atau siapa di antara adik beradik kami yang mempunyai kata putus tentang keputusan masa hadapan.



*Surat Kuasa Berkekalan - merupakan dokumen perundangan yang membolehkan anda melantik seorang yang anda percayai untuk membuat keputusan bagi pihak anda berkaitan kesejahteraan peribadi, harta benda, dan urusan selainnya jika anda hilang keupayaan mental.

Pada mulanya, kami menerima
bil perubatan hospital.

Ibuku mempunyai insurans tetapi
kami langsung tidak tahu butiran
pelan insurans tersebut.

Aku dan abang-abangku terpaksa membayar
bilnya terlebih dahulu. Serta-merta,
segala wang simpanan kami habis.



Selepas Ibu dibenarkan pulang,
masalah berterusan.

Kami ingin mengupah seorang
pembantu untuk menjaga Ibu
tetapi kami tidak dapat
mengakses akaun banknya.



Kami ingin menjual flat Ibu,
supaya beliau boleh duduk bersama
salah seorang abangku (dan untuk
mendapatkan sedikit wang tunai).

Namun, mengikut perundangan, kami
tidak dapat membuat keputusan
itu bagi pihaknya.



Kemudian, timbul pula soal kehendak Ibu yang perlu dipenuhi.

Aku dan abang-abangku bertikam lidah kerana masing-masing mempunyai andaian tersendiri tentang keperluan dan keinginan Ibu.

Kami hilang sabar sehingga saling berteriak antara satu sama lain. Kami melafaskan kata-kata yang kami kesali.



Hubungan kami mula renggang hinggalah kami enggan bercakap sesama sendiri.

Seorang daripada kami sarankan supaya menghantar Ibu ke rumah penjagaan.

Yang seorang lagi mahu Ibu tinggal bersama kami tetapi bukan di rumahnya.



Tekanan yang kami tanggung
sudah sampai kemuncaknya.

Oleh kerana aku tidak mempunyai
keluarga sendiri, aku memutuskan untuk
menanggung beban menjaga Ibu.

Sekurang-kurangnya, sehingga kami
mempunyai wang untuk mengupah
seorang penjaga sepenuh masa.



Selepas sembilan bulan, kami dapat memperolehi simpanan Ibu. Ini setelah aku merayu kepada mahkamah untuk dilantik sebagai timbalannya.

Ternyata, simpanannya lebih daripada cukup.




Sejak itu, aku dapat mengupah seorang pembantu supaya aku boleh kembali bekerja.

Namun begitu, nasi
sudah jadi bubur.

Sememangnya, wang
dapat membantu.

Tetapi, kita tidak dapat menarik
balik kata-kata yang telah
diucapkan dalam keadaan
letih dan marah.



Ia tidak dapat mengembalikan
malam-malam yang telah dihabiskan
untuk mengira wang dan
bukannya tidur.



Ia tidak dapat menghapuskan
rasa dendam yang terbentuk
ketika membuat keputusan
secara terburu-buru.



Seandainya Ibuku tahu.

Seandainya beliau dapat
menjangkakan kesan daripada
kata-kata yang tidak
pernah terucap.



Aku tahu ia akan
menghancurkan hatinya.



"Banyak kedukaan timbul di dunia
kerana kebingungan dan hal-hal
yang tidak terucap."

- Fyodor Dostoevsky



Ayuh salaryman,
buka minda, kekal peka.

Mesej ini disampaikan oleh Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF)

Sesiapa sahaja boleh hilang keupayaan mental di mana-mana peringkat kehidupan, seringkali tanpa diduga.

Sebab itu sangat penting untuk anda membincangkan rancangan masa hadapan dengan orang-orang tersayang selagi anda masih sihat dan mampu membuat keputusan sendiri.

Surat Kuasa Berkekalan (LPA) membolehkan anda untuk melantik seorang yang anda percayai untuk membuat keputusan bagi pihak anda jika anda tidak mampu melakukannya satu hari nanti.

Berikan orang-orang tersayang anda kejelasan dan ketenangan fikiran dengan membuat LPA. Galakkan mereka melakukan hal yang sama.

Ketahui lebih lanjut di sini:

go.gov.sg/planlpa

